

Karangan Naratif 12

Selesaikan cerita berikut:

Aku menjawab panggilan telefon itu dengan mata yang masih mengantuk. Siapakah yang menelefonku pada jam tiga pagi ini? Rasa mengantukku hilang dengan tiba-tiba apabila mendengar suara . . .

Introduction

- Conflict
- Quick Dialogue
- Suspense Elements

Aku menjawab panggilan telefon itu dengan mata yang masih mengantuk. Siapakah yang menelefonku pada jam tiga pagi ini? Rasa mengantukku hilang dengan tiba-tiba apabila mendengar suara kakakku di hujung talian.

“Taufik, maafkan kakak kerana mengganggu tidur kamu. Kakak hendak beritahu kamu tentang . . .”

“Cukuplah kakak. Taufik sudah tidak mahu lagi dengar tentang orang tua itu. Seperti yang Taufik jangkakan selama ini, dia tidak akan berubah! **Dia tidak akan menyokong apa yang Taufik lakukan!**

[INCIDENT]”

“Taufik silap. Dia sebenarnya . . .”

“Taufik tidak silap, kakak! Kakak sendiri lihat apa yang berlaku semalam! Tempat duduk VIP yang telah Taufik tempah untuk orang tua itu berharga dua ribu dollar! Taufik sangkakan dia ingin meraikan kejayaan Taufik. Akan tetapi Taufik silap, kakak. Dia memang tidak suka dengan apa yang Taufik lakukan!”

“Bertenang Taufik. **Memang dia ingin datang tetapi ada sesuatu yang menghalangnya?** [OBJECT] Dia sedang bertarung nyawa sekarang.”

“Apa?”

“Betul Taufik. Dia dalam keadaan nyawa-nyawa ikan. **Kakak tidak tahu sampai bila dia dapat bertahan.** [PERSON]”

Telefon bimbitku jatuh terhempas ke lantai. Aku menjadi gamam saat mendengar berita tentang ayah. Tidak aku sedar yang telefon bimbitku terlepas dari tanganku.

The Main

Developing Taufik

- Action

Saat Taufik terjumpa akan foto lama ayahnya, dia sedar daripada mana datangnya minat dan bakatnya dalam muzik. Rupa-rupanya ayahnya adalah bekas seorang ahli muzik. Foto lama itu adalah di antara barang-barang peninggalan arwah ibunya yang disimpan rapi oleh kakaknya tanpa pengetahuan ayah. Taufik hairan kenapa ayahnya tidak pernah menceritakan tentang pengalamannya sebagai seorang ahli muzik. Yang lebih pelik sekali adalah kenapa ayah melarang keras dia meneruskan minatnya dalam muzik. **[Action 1]** Akan tetapi Taufik tidak